

KUALA LUMPUR, 20 JAN. (BERNAMA) - UNSUR SENI DAN KEBUDAYAAN TEMPATAN PERLU DIPAMERKAN DALAM BANGUNAN-BANGUNAN DI NEGARA INI BAGI MENGHIDUPKAN SEMULA SENIBINA TEMPATAN, KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA SEMUA PIHAK YANG TERLIBAT DALAM PEMBANGUNAN SENIBINA PENDAKLAP MENGANALISA DAN MENGUBAHSUAIKAN UNSUR-UNSUR SENI TEMPATAN UNTUK DIJADIKAN SEBAHAGIAN DARI BANGUNAN-BANGUNAN MODEN.

TEGAS BELIAU, SEMUA UNSUR SENI TEMPATAN BOLEH DIPAMERKAN DALAM BANGUNAN DI NEGARA INI WALAUPUN BERPULUH TINGKAT ATAU BERATUS KAKI LUASNYA BAGI MEMPERLIHATKAN IDENTITI BANGSA DAN NEGARA.

BERUCAP MERASKAN SEMINAR KE ARAH IDENTITI KEBANGSAAN DALAM SENIBINA DI SINI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMBERITAHU SUNGGUHPUN TERDAPAT SENIBINA YANG TERASING DAN ISTIMEWA DI NEGARA INI, TIDAK BANYAK TERDAPAT BUKTI-BUKTI KECEKAPAN DAN NILAI-NILAI TINGGI YANG TETAP ADA DALAM SENIBINA MELAYU MEMANDANGKAN BAHAN YANG DIGUNAKAN ADALAH KAYU.

INI, JELAS BELIAU ADALAH DISEBABKAN, DI ZAMAN BRITISH TIDAK ADA USAHA POSTIF UNTUK MENGAJAI DAN MENGHIDUPKAN SEMULA SENIBINA MALAYSIA.

TIRUAN MELUAS DIGALAKKAN SUPAYA BANGUNAN DI NEGARA INI MENJADI CONTOH BURUK BANGUNAN-BANGUNAN DI EROPAH. - BERSAMBUNG 1250/BW

B522

## MAPATHIR - SENIBINA 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAPATHIR YANG JUGA MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN KESAL KERANA KEMERDEKAAN TIDAK MEMBEBAHKAN PARA AKITEK TEMPATAN DARI BELENGGU KEBUDAYAAN DAN SENI BARAT.

+MEREKA MASIH BELAJAR DI BARAL ATAU JIKA DILATIH DI MALAYSIA PUN, GURU MEREKA MASIH MEMPUNYAI ASAS PELAJARAN BARAT, + TAMBAH BELIAU.

## MAHATHIR - SENIBINA 3 KUALA LUMPUR

DALAM HUBUNGAN INI, BELIAU MENGESYORKAN PIHAK-PIHAK BERKUASA MEMASUKI LANDSCAPING SEBAGAI SATU SYARAT YANG DIMESTIKAN DENGAN MEMPRAKTIKAN SEMUA TUANPUNYA BANGUNAN ATAU KEDIAMAN, SAMADA YANG SUDAH DIDIRI ATAU AKAN DIDIRIKAN, BERTANGGUNGJAWAB TERHADAP KAWASAN DI SEKELILING BANGUNAN SEHINGGA KE TEPI JALAN AWAM.

KATANYA, GLEH KERANA PERASAA SIVIK AMAT LEMAH DI NEGARA INI, UNDANG-UNDANG PERLU DIADAKAN UNTUK MENENTUKAN KEBERSIHAN DAN KECANTIKAN RUMAH-RUMAH YANG DIDIRIKAN DALAM BANDAR.

BELIAU JUGA MENYENTUH MENGENAI PENGUBASUAIAN YANG PERLU DIUSAPAKAN UNTUK MEMPASTIKAN BANGUNAN TEMPATAN MEMPUNYAI CIRI-CIRI TERSENDIRI DAN FUNSIONAL.

INI TERMASUK MEREKA BUMBUNG YANG MENCERMINKAN SEDIKIT SEBANYAK BENTUK BUMBUNG YANG TERDAPAT DI NEGARA INI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YAKIN BUMBUNG YANG MENURUN LEBIH FUNSIONAL DARI BUMBUNG LEPER YANG BERGITU DIMINATI OLEH PARA AKITEK TEMPATAN.

MENURUTNYA, DI NEGARA YANG HUJAN TURUN BAGAIKAN AIR TERJUN, FESYEN BUMBUNG LEPER YANG DITIRU DARI AMERIKA DAN EROPAH TIDAK PRAKTIKAL OLEH KERANA IA MENYEBABKAN TEMPIAS.

DI SAMPING ITU, TAMBAH DATUK SERI DR. MAHATHIR, TINGKAP-TINGKAP, AWNINGS DAN GERBANG PINTU JUGA PERLU MENCERMINKAN KESENIAN NEGARA DENGAN MENGGUNAKAN UKIRAN YANG BIASA TERDAPAT DI RUMAH-RUMAH MELAYU. - BERNAMA 1300/BW